


VGDZ-B-BT01: PERTEMBUNGAN BERTAKDIR!

PERTEMBUNGAN BOOSTER BERTAKDIR



Set booster ini merupakan set pertama DZ Booster dalam Cardfight!! Vanguard dan sekarang diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia! Setiap booster mengandungi 6 kad rawak, dengan 1 kad dijamin rariti R ke atas (RRR, RR atau R). Kad dengan rariti RRR dicetak dengan foil! Mengenalkan skill baharu "Divine Skill"!

VGDZ-B-BT01: Pertembungan Bertakdir akan dijual dalam masa akan datang. Ikuti laman web dan medsos kami untuk tarikh pemasaran!

KELEWATAN KAD PR BULANAN

Kami ingin mengumumkan bahawa kad PR Bulanan untuk Januari, Februari, Mac dan April akan mengalami kelewatan dalam pengedarannya. Kami memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin timbul. Terima kasih atas pemahaman dan sokongan anda.

DEK TERTAMPIL - HEXAORB



Kod DaftarDek: **5 R L L N S**

Hexaorb ialah dek yang direka khas untuk pemain yang ingin menguasai masa depan permainan! Setiap kali anda melakukan drive cek dan mendapat trigger, anda akan menerima kuasa tambahan yang menjadikan serangan anda lebih kuat. Dengan sokongan unit RG seperti Effulgent Wizard dan Octaray Sorceress, peluang untuk mendapat trigger semakin tinggi melalui kebolehan mereka yang boleh melihat dan menyusun semula kad teratas dari dek.

Kami tetap menggunakan rideline daripada Hexaorb Sorceress versi asal kerana Aquamarine paling menyerlah ketika giliran persona ride! Tidak seperti versi asal yang hanya memberikan tambahan 10,000 kuasa semasa drive cek, Hexaorb Aquamarine membawa permainan ke tahap yang lebih tinggi dengan kebolehan untuk menyerang semula menggunakan unit RG serta memberikan kuasa trigger dua kali ganda.

Kini masanya untuk anda gunakan Hexaorb dan buktikan siapa yang benar-benar mengawal takdir di medan pertempuran!